



**TEKS UCAPAN**  
**YANG BERBAHAGIA DATO' DR JUHARI BIN AHMAD**  
**TIMBALAN YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**  
**DI MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 8/2019**  
**28 OGOS 2019, RABU**  
**09:00 PAGI DI BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

**Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri**  
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj  
Wan Mahmood Pa' Wan Teh**  
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan mesyuarat majlis MPS **Bil. 8/2019 bagi bulan Ogos** pada pagi yang berbahagia ini.

## **PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN**

1. Untuk makluman, sehingga 31 Julai 2019, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa sebanyak RM 65.65 juta (63.73%) daripada RM103 juta.
2. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM4.31 juta (61.62%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 7 juta.
3. Bagi pemilik / penduduk yang masih gagal menjelaskan tunggakan cukai taksiran selepas 7 hari waran diserahkan, MPS akan melaksanakan tindakan sitaan apa jua harta alih di dalam premis tersebut dan operasi ini akan dijalankan setiap minggu.
4. MPS turut akan menyita harta alih di dalam premis yang menyamai jumlah tunggakan cukai taksiran premis tersebut. Bagi premis yang tidak diduduki, MPS akan mengambil tindakan melelong premis tersebut bagi menjelaskan tunggakan cukai taksiran selaras dengan seksyen 151 Akta Kerajaan Tempatan 1976.
5. Orang ramai adalah diingatkan supaya menjelaskan tunggakan cukai taksiran bagi mengelakkan tindakan sitaan dan lelongan diambil ke atas harta alih dan premis masing-masing.

6. Kepada pemilik yang ingin menjelaskan tunggakan cukai taksiran, pemilik layak diberi pertimbangan pengurangan waran tahanan bagi bayaran secara penuh atau ansuran. Maklumat mengenai kelayakan pengurangan boleh diperolehi di kaunter bayaran cukai taksiran MPS.
7. Untuk makluman, MPS telah mengeluarkan bil cukai taksiran penggal 2/2019 pada 27 Mei 2019. Untuk penggal 2/2019, kaunter bayaran di Ibu Pejabat dan cawangan Rawang akan dibuka dari jam 8.00 pagi hingga 12.30 tengah hari pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umu sepanjang bulan Ogos 2019. Tempoh bayaran cukai taksiran bagi penggal 2/2019 akan berakhir pada 31 Ogos 2019 dan caj lewat RM20.00 akan dikenakan bermula 1 September 2019.

## **PENSIJILAN EKSA**

8. Alhamdulillah, saya ingin berkongsi satu berita gembira dengan tuan-tuan dan puan-puan bahawa MPS telahpun berjaya menerima Pensijilan EKSA pada baru-baru ini.
9. Kita telah pun **layak mendapat pensijilan EKSA dengan kategori baik dan pensijilan EKSA ini sah sehingga 31 Mei 2021**. Namun begitu suka saya ingatkan bahawa meskipun kita telah menerima pensijilan ini, kita juga perlu memastikan persekitaran tempat kerja di MPS ini sentiasa dalam keadaan yang berkualiti dan kondusif.

## **AMBANG KEMERDEKAAN**

10. Sempena bulan kemerdekaan yang bakal disambut pada 31 Ogos 2019 ini, Sambutan Hari Kebangsaan peringkat Negeri Selangor akan diadakan di Dataran Kemerdekaan Shah Alam pada 30 Ogos 2019 pada jam 8.30 malam.
11. Di kesempatan ini, saya ingin memanjangkan jemputan Sambutan Hari Kebangsaan, kepada tuan puan semua bagi memeriahkan majlis ini.

## **UCAPAN KEMERDEKAAN**

12. Pada tahun ini, *Sayangi Malaysiaku: Malaysiaku Bersih* dipilih menjadi tema Hari Kebangsaan ke-62 bagi menekankan kepentingan perpaduan serta semangat cintakan negara demi kesejahteraan dan kemakmuran bersama.
13. Sebagai rakyat Malaysia dan warga MPS yang mensyukuri nikmat kedamaian, bebas daripada penjajah, kita perlu sentiasa kekalkan semangat kenegaraan dalam diri dengan mempertahankan kemerdekaan dan mengekalkan semangat bersatu padu tanpa mengira kaum dan bangsa.

14. Dikesempatan ini juga, saya menyeru kepada semua untuk mengibarkan Jalur Gemilang di premis-premis perniagaan, rumah dan dimana-mana tempat yang bersesuaian sehingga 16 September dengan penuh kebanggaan.
15. Saya juga ingin menyeru kepada semua agar marilah kita bersama-sama menghayati erti sebuah kemerdekaan, menghargai keamanan yang kita kecapi sekarang dan mengenang jasa-jasa pejuang terdahulu.
16. Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kebangsaan kepada tuan-tuan dan puan-puan semua.

#### **UCAPAN SEMPENA SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1441H**

17. Bersempena dengan sambutan Maal Hijrah dengan tema '*Negara Rahmah, Ummah Sejahtera*' yang akan disambut pada 1 September 2019 ini yang merupakan permulaan tahun baru bagi takwim Islam, saya berharap agar kita semua dapat memperbaharui azam dan komitmen dalam menjayakan tugas masing-masing.
18. Dengan kata-kata itu, saya mengakhiri ucapan saya dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh